

Objektif pembelajaran: Menjawab soalan-soalan dengan jawapan yang betul berdasarkan cerita.

Baca cerita di bawah kemudian jawab soalan-soalan.

Tajuk: Jiran Saya



Saya tinggal di sebuah taman perumahan. Saya ada seorang jiran yang baik bernama Abu. Pada hari Ahad lalu, Abu balik ke kampung menjenguk ibu bapanya. Abu meminta saya sekeluarga menjaga rumahnya. Pada setiap pagi dan petang, saya menyiram pokok-pokok yang ditanam di sekitar rumah Abu. Suatu malam, saya ternampak ada seorang pemuda bertopeng merayau-rayau di luar rumah Abu. Dia membuka besi tingkap dan masuk ke dalam rumah Abu. Saya cepat-cepat menelefon polis. Akhirnya, polis berjaya menangkap pencuri itu. Abu berterima kasih kepada kami sekeluarga. Kami semua gembira kerana tidak ada barang yang hilang.

1. Di manakah saya tinggal?

2. Siapakah nama jiran saya?

3. Bilakah Abu balik ke kampung menjenguk ibu bapanya?

4. Apakah yang saya buat pada setiap pagi dan petang?

5. Apakah yang saya nampak pada suatu malam?
